Unit 4

Kata Kerja

Nota Pintar

Kata kerja aktif transitif ialah kata kerja yang perlu disertai oleh objek.

Contoh: memadam, membuang, menyusun

Contoh ayat: Dani **memadam** papan hitam.

Kata kerja pasif ialah kata kerja hasil daripada proses perubahan ayat aktif menjadi ayat pasif.

Contoh: dipadam, dibuang, disusun

Contoh ayat: Papan hitam **dipadam** oleh Dani.

Betul atau Salah?

5.1.2 (i,ii)

Pilih (BETUL) bagi ayat yang menggunakan kata kerja aktif atau pasif dengan betul dan (SALAH) bagi ayat yang salah.

1 Botol itu dicat. ◯

2 Jarjit menyepak di padang. ◯

3 Ibu mencuci uniform sekolah. ◯

4 Ayah mengunci pintu pagar rumah. ◯

5 Beg itu digalas oleh Aiman ke sekolah. ◯

6 Aidil menunggang basikal ke taman permainan. ◯

LIVEWORKSHEETS

Praktis Pintar 5.1.2 (i)

A **Pilih kata kerja aktif transitif yang betul.**

1 Mak Cik Azizah (menyidai / melipat) pakaian di ruang tamu.

2 Cikgu Roslan (memandu / menunggang) kereta baharu ke sekolah.

3 Dahlia dan Jannie (menyapu / mengelap) lantai menggunakan mop.

4 Pak Cik Husin (menebang / menghiris) pokok pisang di belakang rumah.

5 Cikgu Lim (mengecat / menampal) jadual peperiksaan pada papan kenyataan.

B **Padankan ayat dengan kata kerja pasif yang betul.** 5.1.2 (ii)

1 Seluar yang koyak itu _____ oleh ibu. → dirawat

2 Pesakit itu _____ oleh Doktor Siva. → ditebas

3 Kuih keria itu _____ kepada jiran saya. → dijahit


4 Semak-samun di belakang rumah itu _____ oleh ayah. → digoreng

5 Ikan siakap itu _____ oleh kakak. → diberikan

LIVEWORKSHEETS

C Isi tempat kosong dengan kata kerja yang betul. 5.1.2 (i)

mendengar	berkumpul	mengucapkan
melaksanakan	membahagikan	menyediakan

1 

Penduduk kampung _____ di balai raya untuk mengadakan gotong-royong.

2 

Mereka _____ taklimat yang disampaikan oleh ketua kampung dengan teliti.

3 

Ketua kampung _____ penduduk kepada enam kumpulan.

4 

Mereka mula _____ tugas yang diberi dengan bersungguh-sungguh.

5 

Kaum wanita _____ jamuan untuk peserta yang bergotong-royong.

6 

Ketua kampung _____ terima kasih kepada penduduk yang mengambil bahagian.

LIVEWORKSHEETS